



# Lebih 6,000 graduan UPM tamat pengajian

NUR FARHANA ABDUL MANAN

**SERDANG** – Seramai 6,500 graduan pelbagai program pengajian menerima ijazah dan diploma masing-masing ketika Majlis Istiadat Konvokesyen ke-41 Universiti Putra Malaysia (UPM) di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Majlis berlangsung selama empat hari bermula 4 November lalu itu didahului dengan penyampaian ijazah Doktor Falsafah (PhD), Sarjana (Master), Ijazah Sarjana Muda dan Diploma oleh Sultan Selangor yang juga Tuanku Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Seramai 627 graduan menerima PhD, 1,628 (Master), 3,720 (Ijazah), manakala seramai 522 menerima diploma.

Majlis turut mengurniakan Ijazah Kehormat UPM kepada calon Fakulti Ekonomi dan Pengurusan yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia Berhad, Datuk Seri Tajuddin Atan dan calon Fakulti Sains yang juga Pengarah Berkeley Global Science Institute, College of Chemistry, UC Berkeley, Profesor Dr Omar M Yaghi.

Tuanku Canselor turut berkenan mengurniakan hadiah kepada pemenang peringkat universiti bagi kategori Hadiah Pingat Emas Canselor kepada Khairuddin Akmal

Mohamad Kamal; Hadiah Pingat Emas Diraja (Bumiputra) kepada Nurul Ain Ismail; Hadiah Pingat Emas Diraja (Bukan Bumiputra) kepada Eow Shiang Yen dan Pingat Emas Alumni kepada Lee Zhi Ling.

Penerima lain masing-masing Nur Aishah Abdullah menerima Pingat Emas Yayasan Pak Rashid; Pingat Emas Profesor Emeritus Tan Sri Dr Rashdan Baba kepada Muhammad Hasifullah Ibrahim; Pingat Putra Agribio kepada Yong Suit, Pingat Razlan Putra kepada Nazuridin Abd Latiff dan Pingat Emas Doktor Falsafah kepada Noordiana Nordin.

Turut menerima hadiah adalah Lee Zheng Yii (Pingat Emas Master dengan Tesis); Nurul Afiqah Zulkifly (Hadiah Buku Tahunan MTDC) dan Nur Hakimah Saidi (Hadiah Syed



Sultan Sharafuddin memeriksa barisan kawalan hormat sebelum perasmian Majlis Istiadat Konvokesyen ke-41 Universiti Putra Malaysia (UPM) di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Kechik).

Pada majlis tersebut atlet negara, Leong Mun Yee (atlet ter-

jun) dan Nazuridin Abd Latief (atlet ragbi) turut menerima ijazah masing-masing.



Sebahagian graduan yang sedang menunggu nama dipanggil untuk menerima ijazah kelihatan ceria ketika gambar mereka dirakam.



Berdebar dan beratur menuju ke pentas untuk menerima ijazah masing-masing.



Aksi gembira graduan yang berswafoto bersama rakan-rakan selepas menerima ijazah.